Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 4, e001452
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1452

Analisis Pendidikan Akhlak dalam Kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin*

(Analysis of Moral Education in the Book of Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin)

MHD Harmidi HRP[1], Tengku Sarina Aini binti Tengku Kasim[2*], Ahmad Bin Yussuf[3]

[1]Academy of Islamic Studies, University of Malaya (UM), 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: harmidiharahap@yahoo.com
[2]Academy of Islamic Studies, University of Malaya (UM), 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: tgsarina@um.edu.my
[3]Academy of Islamic Studies, University of Malaya (UM), 50603, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: amdysf@um.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Tengku Sarina Aini binti Tengku Kasim
(tgsarina@um.edu.my)

KATA KUNCI:
Pendidikan
Akhlak
Mau'izhatul Mu'minin

KEYWORDS:
Education
Morals
Mau'izhatul Mu'minin

CITATION:
MHD Harmidi HRP, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Ahmad Yussuf. (2022). Analisis Pendidikan Akhlak dalam Kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(4), e001452. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1452

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis pendidikan akhlak yang terdapat dalam kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin* karya Jamaluddin al-Qasimi. Pendekatan yang digunakan adalah metode kualitatif dengan kaedah kajian kepustakaan. Sumber utama dalam kajian ini adalah Kitab *Mauizatul Mu' minin min Ihya' 'Ulumuddin*. Data-data yang diperoleh kemudian dipilih, dieksplorasi, dipersembahkan, dan dianalisis. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat tiga bentuk pendidikan akhlak menerusi kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin*, iaitu: 1) akhlak kepada Allah SWT, 2) akhlak kepada Rasullullah SAW, dan 3) akhlak kepada sesama manusia.

ABSTRACT

This research aims to analyze moral education contained in the book *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin* by Jamaluddin Al-Qasimi. This research method uses qualitative methods with a library study approach. The main source in this study is the book *Mauizatul Mu' minin min Ihya' 'Ulumuddin*. The data obtained is then selected, explored, presented, and then analyzed. The results of this study show that there are three kinds of *ahlak* education in the book of *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin* namely: 1) morals to Allah SWT, 2) morals to Rasullullah SAW. and 3) morals to fellow humans.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah mengenalpasti nilai-nilai pendidikan akhlak menurut Jamaluddin Al-Qasimi sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin.*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1. Pengenalan

Isu keruntuhan akhlak adalah permasalahan yang terus menjadi perhatian orang ramai di mana sahaja, baik dalam kalangan masyarakat maju mahupun masyarakat mundur. Hal tersebut diungkapkan oleh Asmawati (2008) bahawa terdapat keluhan daripada ahli pendidik dan mereka yang berkecimpung dalam dunia pendidikan berkenaan anak-anak yang cenderung membuat onar, maksiat dan hal-hal lain yang melanggar dan mengganggu ketenteraman umum (Asmawati, 2008: 12). Itulah sebabnya dalam Islam mengajarkan akhlak sehingga ajarannya adalah untuk memberikan bimbingan moral seperti akhlak Rasulullah SAW.

Pembentukan akhlak adalah berkait rapat dengan amalan kebiasaan. Dalam hal ini, orang tua memainkan peranan penting dalam perkembangan seseorang anak. Pola pembinaan anak akan mempengaruhi perilaku mereka pada masa hadapan. Kedua ibu bapa akan menentukan pola yang terbaik dalam didikan agar hasil yang diperoleh dapat melahirkan anak-anak yang mempunyai nilai positif dalam hidup mereka (Siroj, 2009). Kedua ibu bapa bertanggungjawab menjadi tauladan bagi anak-anak mereka, baik dalam ucapan mahupun tindakan. Ini kerana ibu bapa bertanggungjawab melindungi keluarganya daripada jurang kemaksiatan.

Islam merupakan agama yang dibawa oleh Rasulullah SAW sebagai pedoman hidup umat manusia dan pendidikan bagi manusia dan seluruh alam. Nabi SAW sebagai utusan yang menyempurnakan akhlak manusia, kerana Baginda SAW memiliki akhlak-akhlak yang mulia dan sifat-sifat yang baik. Islam sangat mengutamakan permasalahan akhlak berbanding hal-hal yang lain. Hal sedemikian jelas dapat dilihat sehingga akhlak sebagai salah satu asas tujuan Nabi SAW diutus ke dunia (*bu'ithtu li utammima makarimal akhlak*).

Akhlak merupakan lambang kualiti hidup seseorang manusia, masyarakat, dan umat. Oleh yang demikian, akhlak akan menentukan kelestarian sifat seseorang Muslim. Akhlak merupakan sifat yang hampir dengan keimanan. Baik buruknya akhlak menjadi salah satu daripada syarat kesempurnaan keimanan bagi seseorang manusia. Orang yang beriman kepada Allah SWT akan membenarkan dengan penuh yakin akan ke-Esaan Allah SWT. Mereka meyakini bahawa Allah SWT mempunyai sifat dengan segala kesempurnaan dan tidak memiliki sifat kekurangan, ataupun menyerupai sifat-sifat makhluk ciptaanNya (Zaenuri & Al Arif, 2009).

Pendidikan akhlak adalah bahagian terpenting dari elemen pendidikan Islam. Kedudukan ini dapat dilihat berdasarkan kedudukan al-Quran sebagai rujukan paling penting tentang akhlak bagi kaum Muslimin, sama ada individu, keluarga, dan masyarakat. Akhlak yang disarankan dalam Islam adalah akhlak yang bermanfaat kepada manusia lain serta menjadikan hidup dan kehidupan masyarakat semakin harmoni. Akhlak merupakan pengawal psikik dan sosial bagi individu dan masyarakat. Tanpa akhlak, maka tiada beza antara manusia dan haiwan (Aly & Munzier, 2008: 89).

Akhlak seseorang yang sudah terbentuk akan menjadi keperibadian dan akan melahirkan jati diri yang agung. Jati diri tidak terbentuk dengan sendirinya, tetapi memerlukan langkah-langkah yang perlu dilakukan. Kondisi remaja kini amat membimbangkan disebabkan mereka banyak melakukan perkara yang tidak sepatutnya. Keadaan persekitaran menyumbang ke arah keharmonian seseorang dalam hidup, serta membentuk suatu kebiasaan terhadap mereka.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Oleh yang demikian, ibu bapa perlu menumpukan perhatian yang lebih terhadap anak-anak mereka dalam soal pendidikan, terutamanya pendidikan akhlak. Ini penting supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan keadaan persekitaran yang negatif. Pada masa akan datang, mereka akan menjadi tunggak perjuangan yang memiliki tingkah laku (akhlak) yang baik, serta pejuang bangsa negara, dan juga agama.

Kajian mengenai akhlak yang dijalankan sebelum ini adalah terhad, khususnya terhadap karya ulama masa lalu. Oleh yang demikian, kajian ini sangat signifikan untuk dijalankan, terutamanya berkenaan karya yang dihasilkan oleh Jamaluddin al-Qasimi.

Salah seorang ulama yang memberikan penumpuan utama terhadap persoalan akhlak adalah Jamaluddin Al-Qasimi. Beliau menulis kitab tentang *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin* yang menghuraikan penjelasan penting daripada kitab *Ihya' 'Ulumuddin* karya Imam al-Ghazali. Walau bagaimanapun, huraian oleh beliau lebih cenderung kepada kajian akhlak. Al-Qasimi adalah seorang ulama dari Syam yang sangat pakar dari pelbagai cabang ilmu pengetahuan. Beliau adalah orang yang ahli dalam bidang tafsir, ilmu-ilmu keislaman dan seni. Selain itu, beliau juga menghasilkan beberapa karya dalam bidang lain seperti tauhid, hadis, akhlak, *tarikh*, dan ilmu kalam. Oleh yang demikian, beliau tidak hanya menulis kitab tentang akhlak sahaja, bahkan bidang-bidang lain yang ditulis menjadi sebuah karya. Selain menulis beberapa buah kitab, Al-Qasimi juga menerbitkan hasil karyanya di majalah-majalah. Keintelektualan beliau dapat dilihat menerusi karya-karya beliau yang begitu cemerlang.

Beberapa kajian terdahulu telah menumpukan penyelidikan yang sama dalam aspek landasan teori. Contohnya kajian yang dijalankan oleh Amri et al. (2020) tentang analisis Nilai Nilai Pendidikan Karakter Perspektif Syech Muhammad Khudhari Bek dalam Kitab Khulashah Nurul Yakin. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai-nilai pendidikan karakter yang terdapat dalam kitab ini adalah karakter yang terdapat dalam kehidupan seharian Rasulullah SAW, yakni *siddiq, tabligh, amanah* dan *fatanah.* Sementara kajian yang dijalankan oleh Nasution dan Ritonga (2020) menumpukan Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Menurut Umar bin Ahmad Baraja dalam Kitab *Al-Ahlaki Lil Banin*. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai-nilai yang terkandung di dalam kitab tersebut adalah merangkumi keagamaan, sopan santun, dermawan, rendah hati, toleransi, disiplin, dan tanggungjawab. Seterusnya adalah kajian oleh Khamid (2019) yang meneliti tentang Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Perspektif Imam Nawawi Al-Bantani dalam Kitab Nashaih Al-'Ibad. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai pendidikan akhlak dalam kitab *Nashaih al-'Ibad* karya Imam Nawawi Al-Bantani amat diperlukan bagi dunia pendidikan kini. Dari sini, diharapkan akan terhasil sebuah peribadi yang memiliki akhlak mulia, berbudi pekerti yang luhur dengan keimanan yang kukuh.

Berdasarkan huraian di atas, adalah relevan sekiranya kajian berkenaan nilai-nilai pendidikan akhlak menurut pemikiran Jamaluddin Al-Qasimi dijalankan, iaitu melalui kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin* yang mengandungi huraian tentang pendidikan akhlak.

2. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan metode kepustakaan (*library research*), disebabkan keseluruhan data yang digali adalah bersumberkan dari perpustakaan (Hadi, 1990: 3). Objek bagi kajian ini adalah hasil karya yang merupakan pemikiran Jamaluddin Al-Qasimi melalui karyanya kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin*. Data yang diperoleh

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kemudian dianalisis dengan menggunakan metode *Content Analysis* (analisis kandungan). Menurut Soejono (2005: 13), analisis kandungan adalah metodologi penelitian yang memanfaatkan prosedur untuk menarik kesimpulan yang tepat daripada sebuah buku atau dokumen. Teknik ini akan menganalisis makna atau pun isi yang terkandung dalam ulasan-ulasan kitab rujukan dalam kajian ini.

3. Hasil Kajian dan Perbahasan

3.1. Biografi Jamaluddin Al-Qasimi

Nama lengkap beliau adalah Jamal Ad-Din bin Asy-Syaikh Muhammad Sa'id Ad-Dimasyqi bin Asy-Syaikh Muhammad Qasim Al-Hallaq Asy-Syafi'I Al-Atsari. Terdapat sumber yang menyatakan nama beliau adalah Jamal Ad-din bin Muhammad Sa'id bin Qasimi Al-Hallaq Al-Qasimi. Jamaluddin Al-Qasimi hidup pada pertengahan kedua abad ke-19 M dan awal abad ke-20 M. Era tersebut yang digambarkan sebagai masa-masa yang berat dalam kehidupan era kemunduran.

Beliau lahir pada waktu Dhuha, tepatnya pada hari Isnin 08 Jamadil Awal 1283 H/1866 M di sebuah desa kecil, Qasimi, Syam (Suriah). Beliau meninggal pada hari Sabtu 23 Jamadil Awal 1332 H /18 April 1914 M pada usia 48 tahun. Pendidikan dasar keagamaan diperoleh daripada ayahnya sendiri. Ketika mencecah dewasa, beliau berguru dengan sejumlah ulama terkemuka pada zamannya, seperti Syaikh al-Bakri al-Authar dan Syaikh 'Abdur Raziq al-bithar (Ghofur, 2008: 156).

Syaikh Jamaluddin lahir dalam keluarga yang mengutamakan ilmu dan kemuliaan ilmu. Pada awalnya beliau belajar mengaji daripada ayahnya, iaitu Syaikh Muhammad Sa'id. Ayahnya ulama yang terkenal sebagai ahli fiqh dan sastera. Kemudian, beliau menimba ilmu daripada guru-guru yang lain. Beliau mempelajari al-Quran daripada Syaikh 'Abdurrahman Al-Mishri, serta menulis dan menekuni kaligrafi oleh Syaikh Mahmud Al-Qushi. Selanjutnya, beliau mendalami ilmu tauhid dan ilmu bahasa daripada Syaikh Rasyid Quzaiha, yang termasyhur dengan panggilan "Syaikh Ibnu Sinan".

Bagi menambahbaik bacaan al-Quran, beliau mempelajari daripada guru besar *qurra*` (para qari, pelantun bacaan al-Quran) negeri Syam, iaitu Syaikh Ahmad Al-Halwani. Daripada Syaikh Salim Al-'Aththar, beliau mengkaji pelbagai kitab besar, seperti Syarh Syudzur adz-Dzahab, Syarh Ibn Aqil, Jam'u al-Jawami', Tafsir Al-Baidhawi, Shahih Al-Bukhari, Al-Muwaththa`, Mashabih As-Sunnah, sehingga beliau memperolehi semua ijazah ilmu dan kitab atas garis sanad gurunya pada tahun 1301 H/1884 M ketika berusia 18 tahun.

Syaikh Jamaluddin lazim dipanggil dengan nama Al-Qasimi. Beliau lahir dalam kalangan keluarga yang dikenal sifat takwa dan berilmu. Ayah beliau adalah seorang ahli fiqh dan juga seorang sasterawan bernama Abu 'Abdillah Muhammad Sa'id Abi Al-Khair. Ayahnya mewarisi perpustakaan yang mengandungi banyak literatur keilmuan dari Datuknya. Ayahnya mewariskan dan mengalirkan pelbagai ilmu kepada al-Qasimi dari sumbernya, iaitu buku-buku. Perpustakaan peribadi ayah al-Qasimi mengandungi pelbagai buku mengenai tafsir, hadis, fiqh, bahasa, tasawuf, sastera, sejarah usul fiqh, sosial kemasyarakatan, olahraga, hukum, perbandingan, falsafah, dan perbandingan agama (Al-Majid, 1997: 35-36).

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Melalui kemudahan tersebut, al-Qasimi menumpukan kajian beliau terhadap karya-karya para ahli hadis, usul fiqh, tasawuf, ilmu kalam, sastera, sama ada yang klasik mahupun kontemporari. Al-Qasimi dianugerahi kecerdasan yang luar biasa dan amat wajar sekiranya beliau mahir dalam pelbagai bidang keilmuan.

Walaupun beliau lebih banyak mempelajari ilmu menerusi buku-buku yang terdapat di perpustakaan ayahnya, namun beliau turut mendapatkan pengaruh ilmuan lain yang dianggap sebagai gurunya. Muhammad 'Abduh merupakan salah seorang ulama yang banyak mempengaruhi perkembangan intelektual beliau. Sejak perkenalan beliau dengan Muhammad 'Abduh pada tahun 1904, beliau mengganti gaya bahasa sajak yang sejak lama diamalkan dengan gaya bahasa prosa dalam pelbagai karya (Al-Majid, 1997: 35-36).

Kemudian, al-Qasimi menjadi seorang pakar dalam pelbagai cabang ilmu pengetahuan dan seni di Syam. Beliau selalu disibukkan dan amat menitikberatkan hal ehwal pendidikan. Beliau juga termasuk orang yang anti *taklid* dan menyeru ke arah amalan *ijtihad*. Pemerintah pernah mendelegasikan beliau selama empat tahun, iaitu dari tahun 1308 hingga 1312 H untuk mengadakan perjalanan intelektual ke negara Syria. Kemudian, beliau melanjutkan perjalanan ke Mesir dan menuju Madinah.

Ketika Syaikh Jamaluddin kembali dari perjalanannya, beliau dituduh oleh orang-orang yang iri kepadanya dengan tuduhan mendirikan mazhab agama yang baharu, yang diberi nama mazhab Al-Jamali. Pada tahun 1313 H, beliau ditangkap oleh pemerintah, kemudian disoal siasat. Beliau akhirnya dibebaskan kembali. Setelah peristiwa penangkapan tersebut, al-Qasimi menetap di Damaskus. Beliau berdiam diri di rumahnya dan menumpukan perhatian untuk mengarang pelbagai kitab dan mencurahkan perhatiannya terhadap ilmu pengetahuan sehingga akhir hayatnya.

Riwayat hidup Al-Qasimi tidak pernah sepi dari pengembaraan menuntut ilmu. Sejumlah kota besar seperti Mesir, Madinah dan Damaskus pernah dilaluinya dalam rangka memuaskan dahaga pengetahuan. Di usia tuanya, beliau sering menghabiskan waktu di rumah untuk mengarang dan menyampaikan ilmu kepada murid-muridnya hingga akhir hayat. Pendek kata, sepanjang usia kehidupan Syaikh Jamaluddin adalah bertitik tolak dengan pencapaian keilmuannya. Karyanya jauh melampaui usia. Walaupun umur beliau boleh pendek, tetapi karya dan aktivitinya amat meluas (Ghofur, 2008: 157).

3.2. Karya-Karya Jamaluddin Al-Qasimi

Jamaluddin Al-Qasimi adalah ulama yang memiliki pelbagai bakat. Beliau merupakan ahli dalam bidang tafsir, ilmu-ilmu keislaman dan seni. Selain itu, beliau juga menghasilkan beberapa karya dalam bidang lain seperti tauhid, hadis, akhlak, *tarikh*, dan ilmu kalam. Oleh yang demikian, beliau tidak hanya menulis kitab tentang akhlak sahaja, namun turut mengamalkan bidang-bidang lain, yang kemudiannya ditulis menjadi sebuah karya. Selain menulis beberapa kitab, Al-Qasimi juga menerbitkan hasil karya beliau di majalah-majalah. Keintelektualan beliau terlihat jelas pada karya-karya beliau yang begitu cemerlang. Beberapa karyanya adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Karya-Karya Jamaluddin Al-Qasimi

Bidang	Karya
Kalam dan Falsafah	1) *Dalail al-Tauhid* 2) *Mazahib al-'Arba' wa Falsifat al-Islam fi al-Jin* 3) *Irsyad al-Khalq.*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Fiqh	1) *Al-Ajwibah al-Ghaliyah fi Mustadlilin bi Tsubut Sunnah al-Maghrib al-Qabliyah* 2) *Awamir al-Muhimmah fi Islah al-Qadha asy-Syar'iy*
Ilmu Hadis	1) *Tarjamah Imam al-Bukhari* 2) *Qawa'id al-Tahdis fi Funun Musthalah al-Hadis*
Tasawuf	1) *Jawami' al- Adab fi Akhlak al-Anjab* 2) *Mau'idzah al-Mukminin Min Ihya Ulumiddin* 3) *Fashlu al-Kalam fi Haqiqat 'au di Ruh Ilal Mayyit Hina al-Kalam* 4) *Adab al-Darsi wal Mudaris*
Tafsir	1) *Mahasin at-Ta'wil fi Tafsir al-Quran al-Karim*
Bidang Umum Lain	1) *Al-Isra' wal Mi'raj*

3.3. Deskripsi Kitab Mauizatul Mu' minin min Ihya' 'Ulumuddin

Kitab *Mauizatul Mu' minin min Ihya 'Ulumuddin* yang dijadikan sebagai rujukan dalam kajian ini adalah terjemahan oleh Moh. Abdai Rathomy, dengan judul *Bimbingan untuk Mencapai Tingkat Mukmin.* Buku ini diterbitkan di Bandung Indonesia oleh penerbit Diponegoro pada tahun 1975. Buku ini terdiri daripada dua jilid, yang mana masing-masing mempunyai 16 bab.

Adapun jilid pertama mengandungi bab tentang: a) *Muqaddimah,* b) Ilmu Pengetahuan, c) Akidah *ahli sunnah wal jama'ah* tentang dua *kalimah syahadah*, d) rahsia taharah, e) Rahsia solat dan keutamaannya, f) Rahsia zakat, g) Rahsia puasa, h) Rahsia berhaji, i) Tata kesopanan membaca al-Quran, j) Zikir dan doa, k) Tata kesopanan makan, menjemput makan dan menghormati tetamu, I) Tata kesopanan perkahwinan, j) Tata kesopanan mencari *kasab* dan pembiayaan hidup, k) Halal dan haram, l) Tata kesopanan hidup rukun dan bergaul, m) Uzlah (menyendiri) dan *Mukhalathah* (bergaul), n) Tata kesopanan perjalanan, o) *Amar ma'ruf* dan *Nahi munkar*, p) Kenabian dan akhlak Rasulullah SAW.

Sementara jilid ke dua dalam buku ini pula mengandungi bab tentang: a) Latihan mental, pendidikan akhlak dan pengubatan penyakit hati, b) bahaya lisan, c) Keburukan sifat marah, dendam dan hasad (dengki), d) Keburukan sifat takabbur dan bangga akan diri, e) Keburukan penipuan (ghurur), f) Keburukan dunia, g) Keburukan kikir dan harta, h) Keburukan pangkat dan riya' (pamer) i) *At-Tawbah* (taubat), j) Sabar dan syukur, k) Harapan dan ketekunan, l) Kefakiran dan kezuhudan, m) Ikhlas dan benar, n) *Muhasabah* (membuat perhitungan) dan *Muraqabah* (mengadakan penelitian), o) berfikir, p) Mengingati kematian dan yang alam selepas kematian.

3.4. Pendidikan Akhlak dalam Kitab Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin

Akhlak sering juga didefinisikan sebagai etika dan moral. Perbezaannya terletak pada standard masing-masing. Akhlak diukur pada al-Quran dan hadis, etika diukur pada akal dan fikiran. Manakala moral diukur pada adat kebiasaan yang berlaku dalam kalangan masyarakat (Ilyas, 2006: 3). Secara istilah, akhlak adalah kehendak jiwa manusia yang menimbulkan perbuatan secara spontan kerana kebiasaan tanpa memerlukan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pertimbangan pemikiran terlebih dahulu. Dengan demikian, pendidikan akhlak adalah suatu usaha untuk mengembangkan diri selari dengan keperluan yang diyakini benar oleh seseorang atau kelompok sehingga menjadi kebiasaan yang terbentuk dengan sendirinya tanpa difikirkan dan tanpa dirancang terlebih dahulu. Dengan demikian, akan tercapai matlamat kehidupan dunia yang damai dan sejahtera. Manakala antara penghuninya saling mengasihi, menghormati, melindungi serta menyeru ke arah perilaku yang diredai Allah SWT.

Menurut Jamaluddin al-Qasimi, akhlak terbahagi kepada tiga, iaitu akhlak terhadap Allah SWT, akhlak terhadap Rasulullah SAW, dan akhlak terhadap sesama makhluk.

3.5. Akhlak terhadap Allah SWT

Allah SWT adalah pencipta alam semesta yang merupakan satu-satunya Tuhan yang layak disembah. Tiada makhluk lain yang serupa denganNya, Dia Maha Esa dan Maha Berkuasa. Menurut Jamaluddin Al-Qasmi, antara akhlak kepada Allah SWT adalah mencintai Allah SWT dengan jalan mencintai kitabNya (Al-Qasimi, 1975: 181). Tanda seorang Muslim berakhlak kepada Allah SWT adalah dengan memperbanyakkan rasa syukur (Al-Qasimi, 1975: 918). Syukur merujuk kepada bentuk terima kasih atas semua kurnia yang diberikanNya. Kemudian sebagai bentuk akhlak kepada Allah SWT, seseorang Muslim sentiasa takut dan berharap hanya kepada Allah SWT sahaja (Al-Qasimi, 1975: 930).

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang mengandungi petunjuk bagi semua manusia. Melalui panduan al-Quran, seseorang Muslim akan terbimbing ke jalan yang baik dan terhindar daripada kesesatan. Oleh sebab itu, Muslim yang baik akan sentiasa membaca dan memahami, serta mengamalkan isi kandungan ajaran al-Quran dalam kehidupan seharian. Tiada seorang pun manusia yang dapat berbicara secara langsung dengan Allah SWT, akan tetapi ketika seorang hamba sedang membaca al-Quran, hakikatnya ia sedang berkomunikasi langsung dengan Tuhannya. Al-Qasimi merujuk hadis yang diriwayatkan dari Abu Na'im bahawa ibadah yang paling utama bagi umat Islam adalah membaca al-Quran (Al-Qasimi, 1975: 182).

Akhlak yang terpenting adalah bersyukur atau berterima kasih atas segala rahmat yang diberikan Allah SWT. Allah SWT telah banyak mengurniakan nikmat yang tidak terhitung jumlahnya. Meskipun ranting yang terdapat di dunia ini dijadikan pena dan air laut dijadikan tintanya, maka tidak akan mungkin dapat menghitung semua nikmat daripada Allah SWT. Dalam hal ini, Al-Qasmi menjelaskan bahawa syukur terbahagi kepada tiga, iaitu ilmu, keadaan, dan perbuatan (Al-Qasimi, 1975: 918). Ilmu adalah dengan menyedari bahawa kenikmatan yang diterima itu semata-mata dari Allah SWT; keadaan adalah dengan menyatakan kegembiraan yang diperoleh; perbuatan adalah menunaikan sesuatu yang sudah pasti menjadi tujuan penciptaan manusia iaitu mengamalkan dalam bentuk ibadah kepadaNya.

Antara akhlak kepada Allah SWT yang perlu diamalkan oleh setiap Muslim adalah takut dan hanya berharap kepada Allah SWT semata. Tiada hal lain yang perlu ditakuti di dunia ini, dan tidak boleh bergantung harap kepada makhluk. Sesiapa sahaja yang berharap kepada selain Allah SWT, maka pasti akan menemui kekecewaan. Al-Qasimi menjelaskan bahawa ketakutan yang dimaksudkan dalam hal ini adalah ketakutan terhadap seksaan Allah SWT; harapan yang dimaksudkan adalah mengharap rahmat atau kasih sayang Allah SWT (Al-Qasimi, 1975: 930). Harapan dan ketakutan adalah seperti dua buah kenderaan yang dapat digunakan untuk menempuhi jalan ke akhirat. Tiada yang dapat membimbing

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

manusia ke jalan Allah SWT kecuali harapan, dan tiada pula yang dapat menutup pintu seksaan Allah SWT melainkan dengan rasa takut.

3.6. Akhlak terhadap Rasulullah SAW

Rasulullah SAW merupakan Nabi yang diutus Allah SWT untuk membimbing manusia. Sejak dari dahulu, setiap kaum yang hidup akan dihantarkan seorang Nabi sebagai pemimpin dan pembimbing. Utusan yang terakhir adalah Muhammad SAW. Oleh yang demikian, seseorang Muslim perlu memiliki akhlak yang baik kepada Baginda SAW. Al-Qasimi menyebutkan bahawa di antara akhlak seorang Muslim kepada Rasulullah SAW adalah dengan meneladani dan mencontoh amalan-malan dan sikap keperibadiannya. Dalam bahasa yang lebih sederhana, akhlak kepada Rasulullah SAW adalah dengan mengamalkan sunnahnya.

Secara spesifik, al-Qasimi menyatakan bahawa, antara perkara baik yang patut dicontohi oleh umat Islam terhadap akhlak Rasulullah SAW adalah sifat suka memaafkan, melaksanakan keadilan, bersikap sabar, memberi maaf, menahan amarah, dan tidak mencari-cari kesalahan orang lain (Al-Qasimi, 1975: 468-469). Al-Qasimi turut menyatakan bahawa akhlak Rasulullah SAW adalah menyantuni orang dengan baik, dan menjauhi hal-hal yang diharamkan, menghindari akhlak buruk.

Rasulullah SAW memiliki sifat yang sempurna dan budi pekerti. Rasulullah SAW diutuskan sebagai Rasul sedangkan Baginda SAW adalah seorang yang *ummi* tidak pandai membaca dan menulis, hidup dalam kalangan masyarakat yang penuh dengan kejahilan dan kegelapan. Baginda SAW hidup dalam keadaan sederhana, pernah mengembala kambing, dibesarkan dalam keadaan yatim piatu tidak memiliki ayah dan ibu. Keperibadian Baginda SAW menjadi teladan dan rahmat bagi sekalian alam.

3.7. Akhlak kepada sesama Manusia

Manusia merupakan makhluk sosial yang tidak dapat menjalani hidup secara sendirian. Manusia terikat dengan sistem sosial yang terbentuk secara alamiah dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, manusia memerlukan etika pergaulan yang baik. Secara khusus, Al-Qasimi menulis dalam satu bab tentang akhlak tata kesopanan hidup rukun dan bergaul (Al-Qasimi, 1975: 340). Dalam bab tersebut, beliau menekankan kepentingan memelihara persahabatan, pergaulan serta memuliakan jiran tetangga.

Lebih lanjut dihuraikan pula bahawa akhlak kepada sesama adalah termasuk memuliakan tetamu, rukun dalam bergaul, melaksanakan *amr ma'ruf nahi munkar*, menjaga lisan, menjauhi sikap kikir (Al-Qasimi, 1975: 655). Menarik sekali pandangan Al-Qasimi tentang akhlak yang tidak hanya sekadar berakhlak kepada lingkungan alam, tetapi lebih khusus kepada etika pergaulan seharian antara sesama manusia.

Kerukunan dalam pergaulan adalah hasil daripada budi pekerti. Demikian pula kekacauan dalam pergaulan adalah disebabkan oleh budi pekerti yang buruk. Akhlak yang dimaksudkan dalam konteks ini tidak hanya ditujukan kepada antara sesama umat Islam sahaja, akan tetapi juga kepada agama lain. Sesiapa sahaja yang menjadi jiran tetangga bagi seseorang Muslim perlu disantuni dengan akhlak yang mulia.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4. Kesimpulan

Berdasarkan huraian terdahulu, dapat disimpulkan dalam kajian ini bahawa nilai-nilai pendidikan ahlak menurut Jamaluddin Al-Qasimi sebagaimana yang terdapat dalam kitab *Mau'izhatul Mu'minin Min Ihya' 'Ulumuddin* adalah berakhlak kepada Allah SWT meliputi: 1) mencintai Allah SWT dengan jalan mencintai kitabNya, 2) meningkatkan rasa syukur dan 3) senantiasa takut dan berharap hanya kepada Allah SWT sahaja. Manakala berkaitan akhlak kepada Rasulullah SAW adalah dengan mengamalkan sunnahnya. Sedangkan akhlak terhadap sesama manusia adalah: 1) memuliakan tetamu, 2) rukun dalam bergaul, 3) melaksanakan *amr ma'ruf nahi munkar*, 4) menjaga lisan dan 5) menjauhi sikap kikir.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan dan sokongan, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Salam hormat dan terima kasih juga kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini .

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada sebarang pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak.

Rujukan

Al-Majid, A. (1997). *Visi dan Paradigma Tafsir Al-Qur'an Kontemporer Terj. Moh. Maghfur Wachid*. Bangil: Al Izzah.

Al-Qasimi, J. (1975). *Mauizatul Mu' minin min Ihya 'Ulumuddin, Terj. Moh. Abdai Rathomy, Bibingan untuk Mencapai Tingkat Mukmin*. Bandung: Diponegoro.

Amri, S., dkk. (2020) Studi Analisis Nilai Nilai Pendidikan Karakter Perspektif Syech Muhammad Khudhari Bek dalam Kitab *Khulashah Nurul Yakin*. *Attractive: Innovative Education Journal*, 2(2), 77-88.

Asmawati. (2008). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam*. Jakarta: Utusan Publications.

Amin, S. G. (2009). *Profil Para Mufassir Al-Qur'an*. Yogyakarta: Pustaka Insani.

Darajat, Z. (1996). *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.

Hery, N. Aly., & Munzier. (2008). *Watak Pendidikan Islam.* Jakarta: Farika Agung Insani.

Hitami, M. (2004). *Mengonsep Kembali Pendidikan Islam*. Pekanbaru: Infinite Press

Khamid, A. Nilai-nilai Pendidikan Akhlak Perspektif Imam Nawawi Al-Bantani Dalam Kitab Nashaih Al-'Ibad. *POTENSIA: Jurnal Kependidikan Islam*, *5*(1), 29-43.

Nasution, M., & Asnil, A. R. (2020). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Menurut Umar Bin Ahmad Baraja dalam Kitab *Al-Akhlaqi Lil Banin*. *TAZKIYA: Jurnal Pendidikan Islam, 9* (2), 1-16.

Siroj, J., & Adib. A. A. H. (2009). *Hebatnya Akhlak di Atas Ilmu dan Tahta.* Surabaya: Bintang Books.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Soejono & Abdurrahman. (2005). *Metode Penelitian Suatu Pemikiran dan Penerapan.* Jakarta: Rineka Cipta.
Sutrisno, H. (1990). *Metodologi Research*. Yogyakarta: Andi Offset.
Yunahar, I. (2006). *Kuliah Akhlak.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
Zaenuri, S., & Adib, A. A. (2009). *Kajian Tentang Ilmu Bahasa Arab. Terj. Nazham Al 'Imrithi*. Tangerang: Albama.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).